



CEMERLANG... (dari kiri) Salmah, Bahiyah, Junaidah dan Mohd Mahyeddin dipilih graduan terbaik KUIM.

Kerap makan sekali sehari

Anak penjual sayur terima Anugerah Pelajaran Diraja KUIM

>>Oleh ASMIZAN
>>MOHD SAMIRAN
mizan@metro.com.my

BANGI: "Ketika mendapat tawaran ke Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), ayah terus terang beritahu dia tidak mampu menanggung perbelanjaan saya, tetapi semangat saya untuk melanjutkan pelajaran tidak pernah luntur.

"Saya beritahu ayah, dia tidak perlu bimbang kerana saya akan berusaha mencari sumber kewangan, dan dengan menggunakan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) saya berjaya masuk ke KUIM hingga mencatat keputusan cemerlang ketika tamat pengajian," kata penerima Anugerah Pelajaran Diraja KUIM, Junaidah Abu Seman.

Junaidah, 24, berkata ayahnya tidak mampu membiayai pengajiannya kerana pendapatan diperoleh sebagai penjual sayur hanya cukup untuk menyara keluarga.

Katanya, untuk mene-

ruskan pengajian di KUIM dia bergantung kepada wang PTPTN.

"Ketika dalam pengajian saya terpaksa berjimat cermat sehingga kerap makan sekali sehari," katanya.

Graduan jurusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian itu ditemui pada sidang media selepas Majlis Konvokesyen ke-4 KUIM di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, semalam.

Istiadat konvokesyen berkenaan disempurnakan Canselor KUIM, Tunku Ampuan Negeri Sembilan, Tuanku Najihah Almarhum Tunku Besar Burhanuddin.

Junaidah berkata, dia menggunakan kaedah belajar secara berkumpulan, menanamkan sikap yakin serta menjaga hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia sebagai kunci kepada kejayaan dimilikinya.

Selain Junaidah, graduan jurusan Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman, Bahiyah Ahmad,

23, turut menerima anugerah sama.

Bagi Bahiyah, menjadi satu-satunya anak yang berjaya masuk ke universiti membuatkan dia berazam membuat yang terbaik kerana tidak mahu menyesal kemudian hari.

Katanya, kejayaan diraih adalah hasil pendekatan 'belajar secara bijak' yang digunakannya.

"Jika dibandingkan dengan pelajar lain, masa saya lebih banyak dihabiskan dengan bermesyuarat kerana sibuk dengan aktiviti persatuan, tetapi dengan belajar bersama rakan dan memberi sepenuh tumpuan kepada subjek yang diajar pensyarah, saya gunakan pendekatan itu sebagai 'pecutan terakhir' untuk cemerlang dalam pelajaran," katanya.

Sementara itu, dua graduan KUIM turut menerima Anugerah Canselor dan Pingat Emas Rektor. Masing-masing ialah graduan jurusan Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman dengan Kepujian, Salmah Shahidan, 26, dan Mohd Mahyeddin Mohd



JUNAIDAH...guna wang PTPTN.

Salleh, 22.

Pada masa sama, KUIM turut menganugerahkan Hadiah Buku Universiti dan Hadiah Buku Fakulti kepada graduan yang cemerlang daripada segi akademik dan ko-kurikulum.

Seramai 541 graduan menerima ijazah pada majlis konvokesyen berkenaan. Ia termasuk graduan ijazah sarjana muda, ijazah doktor falsafah (PhD), ijazah sarjana, dan graduan sulung untuk Diploma Amalan Kehakiman dan Guaman Syariah serta Diploma Siswazah Dalam Penyalahgunaan Dadah.